



DASHBOARD BELIA

GERBANG PROGRAM/AKTIVITI PEMBANGUNAN BELIA
MERENTAS KUMPULAN PELAKSANA

dbelia.gov.my



Dashboard
Belia



© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2025

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.



HAKCIPTA TERPELIHARA

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara-cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Penyelidik/Penulis

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)



Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES,

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 - 8871 3705 Faks : +603 - 8871 3342

Emel : info@iyres.gov.my

Laman Web : www.iyres.gov.my



“ KBS perlu menjadi peneraju data terutamanya berkaitan pembangunan belia (*data driven*). Melalui data, Kementerian Belia dan Sukan dapat menganalisis, merangka dan melaksanakan setiap polisi dan program yang lebih berkesan dan berimpak tinggi. Dengan ini, sistem penyampaian Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa bersifat relevan dan simetri dari sudut ketelusan dan akauntabiliti. ”

YB Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan

“ Melalui Pembangunan Sistem Dashboard Belia, semua program dan inisiatif belia boleh dirujuk dalam satu platform dan ia memudahkan orang awam terutamanya belia untuk mengakses dan mencari maklumat dengan mudah dan cepat ”

YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu,
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan



“ Pembangunan Dashboard Belia merupakan platform utama bagi mengumpul maklumat Inisiatif/program/aktiviti pembangunan belia dalam pangkalan data yang berpusat merentasi agensi pelaksana di seluruh Malaysia. Sistem ini berupaya membantu pemegang taruh belia (*stakeholders*) memantau program-program belia dan melihat outcome atau pulangan yang diperolehi (*Return of Investment (ROI)*) daripada pelaburan/peruntukan yang diperoleh. ”

YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan belia Malaysia (IYRES)



Kepentingan data dalam pembangunan belia di Malaysia sangat signifikan, terutama dalam membentuk strategi yang berkesan untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh golongan muda masa kini.

Dalam era digital yang pesat berkembang, pengurusan data yang cekap telah menjadi salah satu elemen terpenting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan program dan inisiatif kerajaan. Keperluan untuk berkongsi, mengintegrasikan, dan menganalisis data antara kementerian semakin kritikal bagi memastikan pembangunan sosioekonomi negara dapat dilaksanakan secara mampan dan efektif. Berikut merupakan kepentingan data dalam agenda pembangunan belia negara.

1. Memahami Keperluan dan Aspirasi Belia

- Data membantu kerajaan dan organisasi memahami keperluan, minat, dan aspirasi belia secara mendalam.
- Dengan data demografi, psikografik, dan sosio-ekonomi, perancangan dasar dan program dapat disesuaikan dengan lebih baik.

2. Dasar dan Program berdasarkan Bukti

- Data menyediakan asas untuk membentuk dasar dan program yang berasaskan bukti (*evidence-based policy*).
- Membantu memastikan perancangan tidak dibuat berdasarkan anggapan (*Shot in the dark*) tetapi berdasarkan keperluan sebenar golongan belia.

3. Pemantauan dan Penilaian Program

- Data digunakan untuk menilai keberkesanan program pembangunan belia, seperti latihan kemahiran, peluang pekerjaan, atau program pendidikan.
- Penilaian ini membantu memperbaiki program sedia ada atau merancang yang baru.
- Ini memastikan sumber diagihkan dengan lebih adil dan inklusif.

4. Memacu Literasi Digital dan Ekonomi Digital

- Dengan data mengenai tahap literasi digital, kerajaan dapat merangka program yang relevan untuk meningkatkan kemahiran digital belia.
- Hal ini penting dalam usaha Malaysia menjadi negara yang kompetitif dalam ekonomi digital.

5. Menggalakkan Kerjasama antara Sektor

- Data yang saling terhubung antara sektor awam, swasta, dan NGO membolehkan kerjasama yang lebih efektif untuk pembangunan belia.
- Contoh: Perkongsian data dalam sektor pendidikan, pekerjaan, dan kesihatan.

6. Menangani Cabaran Global dan Teknologi

- Data memberikan maklumat tentang cabaran global seperti perubahan iklim, migrasi, dan kesan revolusi teknologi.
- Ini membantu belia bersedia menghadapi cabaran ini melalui pendidikan dan peluang yang sesuai.

Data merupakan alat yang sangat penting dalam memastikan pembangunan belia di Malaysia dijalankan secara strategik, inklusif, dan mampan. Dengan penggunaan data yang efektif, Malaysia dapat membentuk generasi belia yang lebih berdaya saing, inovatif, dan bersedia menghadapi masa depan.



"Dengan memanfaatkan teknologi digital, saya
mahu penjawat awam kita tidak hanya
bertindak sebagai pelaksana dasar tetapi juga
sebagai pemacu inovasi dalam pentadbiran
negara."

YAB. DATUK SERI ANWAR IBRAHIM,
PERDANA MENTERI MALAYSIA

SEMPENA AMANAT PERDANA MENTERI TAHUN BAHARU 2025
KEPADА WARGA JABATAN PERDANA MENTERI



RINGKASAN PENYATAAN MASALAH



Isu & masalah:

Pengumpulan, pengurusan data program/inisiatif pembangunan belia di Malaysia yang tidak berpusat



Tiada "One Stop Centre" yang menghimpunkan program dan inisiatif Pembangunan Belia dalam 1 platform.



Ketidakcekapan Perancangan dan Penyelarasaran Program



Kesukaran Pemantauan dan Pelaporan Program/inisiatif merentas kumpulan pelaksana



Tiada Penilaian program pembangunan belia yang "Standard"



Pengurusan Data Kurang efisien



Kos Pengurusan Data Secara Manual



Kebergantungan kepada Sumber Manusia

1.0 PENGENALAN DASHBOARD BELIA



1.1 Pengenalan kepada Dashboard Belia

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah mengambil inisiatif mewujudkan sebuah platform yang menempatkan data dan inisiatif program belia (*one-stop centre*) yang dinamakan Dashboard Belia.

Dashboard Belia telah diluncurkan pada 25 Mei 2024 oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia sempena sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2024. Dashboard Belia dibangunkan sebagai gerbang maklumat berkaitan program dan aktiviti pembangunan belia merentas kumpulan pelaksana pembangunan belia di Malaysia seperti yang digariskan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM 2015-2035). Setiap sumber yang berkaitan program dan aktiviti belia dapat dirujuk serta diakses melalui platform pendekatan bersepadu atau "*whole of nation approach*" merentasi agensi pelaksana pembangunan belia di Malaysia.

Dashboard Belia merupakan platform utama bagi mengumpul maklumat projek /program /aktiviti pembangunan belia dalam pangkalan data yang berpusat merentasi agensi pelaksana di seluruh Malaysia. Sistem ini berupaya membantu pemegang taruh belia (stakeholders) memantau program-program pembangunan belia dan melihat outcome atau pulangan yang diperolehi (Return of Investment (ROI)) daripada pelaburan/peruntukan yang diperoleh.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) Bilangan 1 Tahun 2024 yang di penguruskan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 20 Mac 2024 telah bersetuju bahawa penggunaan Sistem Dashboard Belia sebagai mekanisme pemantauan program dan aktiviti belia yang melibatkan semua kumpulan pelaksana pembangunan belia.

Usaha ini selaras dengan Dasar Belia Malaysia (DBM) yang menekankan Konsep Merentas Kumpulan Pelaksana dan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) melalui Strategi Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing yang memberi penekanan kepada pembangunan dan perkongsian data granul penyertaan belia dalam program dan inisiatif Kerajaan akan diwajibkan kepada semua kementerian dan agensi bagi membolehkan pelaporan, analisis dan penggubalan dasar pembangunan belia yang lebih tepat. Oleh itu, dengan adanya Sistem Dashboard Belia, ia dapat membantu kementerian serta agensi dalam menyelaras, memantau serta memastikan perancangan yang efektif dan berkesan.

Idea membangunkan sistem ini diperoleh berdasarkan konsep bank data atau dinamakan kaedah berpusat (*One Stop Centre*). Setiap sumber yang berkaitan program aktiviti belia dapat dirujuk atau diakses melalui platform pendekatan bersepadu merentasi agensi pelaksana pembangunan belia di Malaysia. Dashboard Belia ini boleh diakses oleh ahli tetap focal point yang telah dilantik oleh IYRES dan orang awam melalui pautan **URL: dbbelia.gov.my**

1.2. Konsep Merentas Pembangunan Belia Malaysia


Selaras dengan hasrat kerajaan dalam memastikan segala perancangan adalah responsif terhadap keperluan semasa serta berpandukan data (data driven), adalah penting bagi memastikan maklumat yang tersedia merupakan maklumat yang tepat dan terkini. Pemahaman dan perancangan berdasarkan kepada data sangat penting supaya aktiviti dan pelaksanaan yang dibuat lebih tepat, sah dan reliable.

Inisiatif dan program-program pembangunan belia bukan hanya dilaksanakan di peringkat KBS namun turut dilaksanakan melibatkan 10 kumpulan pelaksana sepetimana yang digariskan dalam DBM. Selaras dengan itu, inisiatif pengumpulan data secara berpusat perlu digerakkan dalam memastikan pembangunan belia di negara ini adalah secara bersama berdasarkan fungsi dan keupayaan setiap pelaksana.

KBS perlu menjadi peneraju data terutamanya berkaitan pembangunan belia (data driven). Data yang strategik dapat memberikan kelebihan kepada kementerian dalam membantu membuat keputusan yang lebih tepat sekaligus memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Melalui data, Kementerian Belia dan Sukan dapat menganalisis, merangka dan melaksanakan setiap polisi dan program yang lebih berkesan dan berimpak tinggi. Dengan ini, sistem penyampaian Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa bersifat relevan dan simetri dari sudut ketelusan dan akauntabiliti.

Selain itu, Inisiatif ini juga selaras dengan perkembangan *Big Data* dan *Data Science* untuk meningkatkan akses kepada jumlah data yang besar (*volume*), pelbagai (*variety and variability*), tidak terbatas (*velocity*) dan bernilai (*value*). Perkembangan data raya dan evolusi teknologi telah diketengahkan di semua peringkat global bagi memupuk budaya kerja berpacuan data yang dapat membantu pembuatan keputusan dalam perancangan polisi dan dasar Kementerian.


RINGKASAN DASHBOARD BELIA



1.3. Konseptual Dashboard Belia

Gambar rajah konseptual ini merangkumi fasa pelaksanaan program yang melibatkan tiga peringkat utama: sebelum, semasa, dan selepas pelaksanaan program meliputi 3 komponen utama iaitu perancangan (konteks program), Pemantauan (kecekapan melaksanakan program) dan Penilaian (keberkesanannya program). Melalui komponen ini akan membantu pemegang taruh dan pihak kementerian menilai kebolehberuntungan dari segi pulangan untuk pendek dan jangka masa panjang, iaitu sama ada aktiviti/ program yang dianjurkan memberi faedah yang diterima mahupun pulangan modal dari pelaburan sekaligus memastikan keberkesanannya dan pulangan sosial (*Return of Investment - ROI*) sesuatu program.

Konseptual Pembangunan Sistem Dashboard Belia diadaptasi dan diubahsuai berdasarkan konsep Logic Model yang merupakan salah satu alat yang berasaskan Teori Program yang digunakan untuk penilaian sesuatu program dalam menghubungkaitkan input, aktiviti, output dengan outcome program.



a) Fasa Sebelum Pelaksanaan Program/Aktiviti: Perancangan

Konteks Program:

- Sebelum memulakan pelaksanaan program, penting untuk menentukan objektif dan matlamat yang ingin dicapai. Ini melibatkan penilaian keperluan belia dan bagaimana program tersebut dapat memenuhi keperluan tersebut.

Input (Maklumat Program):

- Input merangkumi sumber atau pelaburan yang diperlukan untuk menjayakan program seperti peruntukan kewangan, sumber manusia, serta bahan atau mekanisme pelaksanaan sesuatu program/aktiviti.

b) Fasa Semasa Pelaksanaan Program/Aktiviti: Pemantauan (Monitoring)

Kecekapan Pelaksanaan Program (Programme Efficiency):

- Semasa program berlangsung, proses pemantauan diperlukan bagi memastikan bahawa aktiviti yang dirancang dilaksanakan dengan berkesan.

Proses Pelaksanaan Aktiviti:

- Aktiviti-aktiviti program perlu dijalankan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Setiap aktiviti perlu dipantau dari segi pelaksanaannya untuk menjamin keberkesanannya.

Output:

- Output merujuk kepada hasil segera atau langsung daripada pelaksanaan program, seperti jumlah peserta yang terlibat dan tahap kepuasan mereka. Penilaian kepuasan peserta juga dilakukan bagi memastikan sama ada pelaksanaan aktiviti menepati keperluan dan matlamat program.

c) Fasa Selepas Pelaksanaan Program/Aktiviti: Penilaian (Evaluation)

• Keberkesan Program:

- Setelah program selesai, penilaian terhadap keberkesanannya dilakukan. Penilaian ini terbahagi kepada jangka masa pendek, sederhana, dan panjang.

▪ Jangka Masa Pendek:

- Melibatkan kajian outcome (hasil segera seperti peningkatan pengetahuan atau kemahiran peserta).

▪ Jangka Masa Sederhana:

- Menilai perubahan yang berlaku dalam tempoh sederhana, contohnya impak terhadap tingkah laku atau penglibatan peserta dalam aktiviti sosial.

▪ Jangka Masa Panjang:

- Mengukur impak jangka panjang seperti peningkatan kualiti hidup peserta atau perubahan sosial dalam komuniti mereka.

d) Outcome dan Impak:

- Outcome merujuk kepada hasil yang dapat dilihat dalam tempoh jangka pendek dan sederhana, manakala impak adalah perubahan besar yang berlaku dalam jangka panjang.

e) Return of Investment (ROI) dan Impak Sosial

- Penilaian keseluruhan program bukan sahaja melihat kepada keberkesanannya tetapi juga mengira pulangan sosial atau ROI yang diperoleh daripada pelaburan yang dilakukan. Ini memastikan bahawa sumber yang dilaburkan membawa manfaat kepada belia dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Kesimpulan

Model konseptual ini menekankan kepentingan perancangan strategik, pemantauan berkala, dan penilaian menyeluruh dalam pelaksanaan program belia. Melalui pendekatan ini, pulangan sosial yang maksimum dapat dicapai, memastikan program yang dijalankan benar-benar memberi impak positif kepada golongan belia dan masyarakat.

Terdapat **10 Modul** di dalam Sistem Dahboard Belia merangkumi iaitu merangkumi Dashboard, Pelaporan, Pendaftaran akaun/peranan, Pendaftaran peserta pukal, Multiportfolio, Mobile apps, Perkongsian inter-agensi, senarai program (web based), Penilaian program dan e-Sijil.

Sehingga Januari 2025 seramai 1,401 focal point telah mendaftar di dalam sistem yang terdiri daripada 15 kementerian, 83 jabatan/bahagian/agensi dan 3 Non-Government Organization (NGO). Sebanyak 7,572 program meliputi 7,351 aktiviti berteraskan pembangunan belia telah direkodkan daripada tahun 2018 - 2024.

IYRES telah memperluaskan kefungsian sistem ini dengan membangunkan aplikasi mudah alih bagi memudahkan orang awam khususnya golongan belia menyertai dan mendapatkan maklumat terkini berhubung program dan aktiviti belia yang dilaksanakan oleh pelbagai pemegang taruh pelaksana pembangunan belia (Pendekatan G2C-Government to Citizen). Selain itu orang awam juga boleh menilai dan memberi cadangan penambahbaikan kepada program yang diikuti secara langsung (Pendekatan C2G-Citizen to government) melalui Apps. Aplikasi ini juga boleh dimuat turun di Apps Store, Play Store dan Huawei Gallery secara percuma. Inisiatif ini sangat penting dalam mengaplikasi teknologi digital dalam memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dan menyeluruh. Penggunaan teknologi dan pendigitalan mampu melonjakkan peranan Kementerian Belia dan Sukan selaras dengan trend keperluan kumpulan sasaran khususnya dalam Agenda Pembangunan Belia Negara.

RINGKASAN INFO SISTEM DASHBOARD BELIA



Gerbang maklumat berkaitan program dan aktiviti pembangunan belia
merentas pelaksana pembangunan belia di Malaysia

Pangkalan data yang berpusat (one-stop centre) di bawah pendekatan bersepada atau "whole of nation approach"

Outcome atau pulangan yang diperolehi (Return of investment (ROI))
daripada pelaburan/peruntukan yang diperoleh.



Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) Bil 1/2024

Dipengerusikan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri pada 20 Mac 2024



Majlis Peluncuran Dashboard Belia

1,401

Focal Point

15

Kementerian

83

Jabatan/
Bahagian/
Agensi

3

Badan Bukan
Kerajaan
(NGO)

7,572

Program

7,351

Aktiviti

81,930

Memuat turun Aplikasi
Dashboard Belia

10 MODUL SISTEM DASHBOARD BELIA



MODUL DASHBOARD

Rumusan Pencapaian Pelaporan dan statistik



MODUL PELAPORAN

Maklumat am projek, skop, tarikh pelaksanaan, peruntukan & perbelanjaan serta outcome projek



MODUL PENDAFTARAN AKAUN/PERANAN

Pendaftaran Focal Point dan Pengguna awam



MODUL SENARAI PROGRAM (WEB BASED)

Perkongsian maklumat program dan aktiviti di dalam Web Based



MODUL MOBILE APPS

Peserta awam boleh mendaftar, menyertai & menilai program dan aktiviti



MODUL PERKONGSIAN INTER-AGENZI

Perkongsian maklumat program dan aktiviti merentasi pelaksana



MODUL PENDAFTARAN PESERTA PUKAL

Pendaftaran secara pukal menggunakan format CSV



MODUL MULTI PORTFOLIO

Pendaftaran Focal Point yang mempunyai Multi-portfolio



MODUL PENILAIAN PROGRAM

Peserta awam boleh menilai keberkesan program yang disertai



MODUL E-SIJIL

Pengguna awam boleh mendapatkan sijil penyertaan (e-cert) melalui apps

1.4. Paparan Web Based dan Aplikasi Dashboard Belia

Sistem Dashboard Belia boleh diakses melalui 2 (dua) platform utama iaitu Web Based (Portal) di URL: dbbelia.gov.my dan aplikasi mudah alih yang boleh diunduh turun di Apps Store, Play Store dan Huawei Gallery. Berikut paparan 2 platform dashboard belia:

Web Based

The screenshot shows the 'Senarai Program' (Program List) section of the portal. At the top, there are search fields and filter options. Below that is a 'KATEGORI' (Category) section with icons for Seminar, Bengkel, Kejohanan/Pertandingan, and Temasya/karnival. Three numbered callouts point to specific features:

- 1**: Points to the search bar and filter options.
- 2**: Points to the category filters.
- 3**: Points to the program list grid.

The main content area displays a grid of program icons with details like name, date, and duration. The grid is organized into sections: PROGRAM IKONIK, PROGRAM TERKINI, PROGRAM AKAN DATANG, and PROGRAM TELAH BERLANGSUNG. Each section has a 'Selanjutnya' (Next) button.

Powered by **Sila muat turun eMYInd Apps di**

Peserta program boleh membuat carian nama program dan *filter* mengikut:

- Nama Program
- Negeri
- Daerah
- Bulan
- 10 Gaya hidup muda

Peserta boleh klik dan *filter* spesifik kategori yang diminati meliputi:

- Seminar
- Bengkel
- Kejohanan/Pertandingan
- Temasya/Karnival
- Penyelidikan
- Dana
- Program Khas
- Lain-lain

Paparan Program dan aktiviti yang boleh disertai oleh peserta. Peserta perlu klik gambar untuk dapatkan maklumat program dan boleh mendaftar program tersebut. Terdapat 4 paparan di senarai program iaitu:

- Program Ikonik
- Program Terkini
- Program akan datang
- Program telah berlangsung



Sistem ini boleh diakses orang awam




MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT

dbbelia.gov.my

Sila muat turun Dashboard Apps di



1.5 KONSEPTUAL LANDSKAP PEMANTAUAN PROGRAM/AKTIVITI PEMBANGUNAN BELIA MELALUI DASHBOARD BELIA



Konsepual landskap pemantauan program dan aktiviti pembangunan belia serta sukan melalui Hub Data Belia merupakan pendekatan strategik yang dirancang untuk meningkatkan keberkesanan program pembangunan belia. Pendekatan ini merangkumi tiga komponen utama: Input, Proses, dan Pemantauan (Output), yang berfungsi secara bersepada untuk memastikan pencapaian hasil yang diinginkan.

1. Input:

Memahami Isu dan Keperluan Belia berdasarkan data daripada Hub Data, ia menjadi asas utama untuk mengenal pasti isu dan keperluan belia di Malaysia.

- Data ini berfungsi sebagai penanda aras untuk memahami tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia.
- Dengan memahami keperluan ini, ianya dapat menentukan langkah yang tepat untuk menyokong pembangunan mereka secara menyeluruh.

2. Proses:

Pelaksanaan Inisiatif berdasarkan data-data yang diperoleh diterjemahkan kepada bentuk program dan aktiviti yang sesuai dengan kumpulan sasaran.

- Pelaksanaan program ini dirangka untuk menjawab persoalan: "Apa yang perlu dilakukan?"
- Program yang dibangunkan adalah bersifat *data-driven*, memastikan keberkesanan dalam memenuhi keperluan belia.

3. Pemantauan (Output):

Keberkesanan Program dan Aktiviti Komponen pemantauan adalah elemen kritikal dalam memastikan pelaburan program mencapai hasil yang optimum.

- Maklumat program dan aktiviti direkodkan dalam Dashboard Belia, yang membolehkan analisis *outcome* terhadap pelaburan sesuatu program atau projek (contoh: ROI - *Return on Investment*, ROV - *Return on Value*).
- Proses ini juga memastikan keberkesanan dan ketelusuran program melalui penilaian yang berterusan.

4. Impak Keseluruhan:

Melalui pendekatan ini, kita dapat mencapai matlamat utama:

- Peningkatan tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia.

1.6 PENJAJARAN KEPADA DASAR DAN POLISI KERAJAAN

Pembangunan Dashboard Belia yang dirancang oleh IYRES adalah sejajar dengan pelbagai dasar strategik kerajaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program dan pembangunan belia jangka panjang. Penjajaran ini merangkumi beberapa inisiatif utama yang membentuk hala tuju pembangunan belia negara.

Penjajaran Dashboard Belia dengan dasar-dasar utama kerajaan memastikan data belia digunakan secara optimum bagi merancang, memantau, dan menilai program secara menyeluruh. Pendekatan berdasarkan data ini akan memacu pembangunan belia yang seimbang, mampan, dan berdaya saing bagi memenuhi matlamat pembangunan negara menjelang 2030.

PENJAJARAN KEPADA DASAR KERAJAAN

PEMBANGUNAN DASHBOARD BELIA SELARI DENGAN HASRAT KERAJAAN



DASAR BELIA MALAYSIA (DBM) 2015-2035

Penekanan konsep “merentas pelaksana” dalam pembangunan belia di Malaysia. Konsep ini memastikan pembangunan belia di negara ini adalah secara bersama berdasarkan fungsi dan keupayaan setiap pelaksana



PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030

Penilaian dan pemantauan program pemerkaasan sosioekonomi belia melalui Sistem Dashboard Belia



KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK12 2023

Pembangunan dan perkongsian data granul mengenai penyertaan belia dalam program dan inisiatif kerajaan akan diwajibkan kepada semua kementerian dan agensi bagi membolehkan pelaporan, analisis dan pengubalan dasar pembangunan belia yang lebih tepat



PELAN STRATEGIK KBS 2021-2025

KBS perlu menjadi peneraju data berkaitan belia (*Data Driven*). Melalui data, KBS dapat menganalisis, merangka dan melaksanakan setiap polisi dan program yang lebih berkesan dan berimpak tinggi



MODEL PEMBANGUNAN BELIA MADANI 2030

Membangunkan inisiatif berteraskan data, *analytical and design thinking*, mendaya upaya belia dengan teknologi pintar serta merangsang kebudayaan inovasi dan kreativiti



PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025


Menyokong pendigitalan perkhidmatan kerajaan dan meningkatkan kecekapan sektor awam melalui teknologi digital

PEMBANGUNAN DASHBOARD JUGA MENYUMBANG KEPADA JAWATANKUASA UTAMA DIPERINGKAT NASIONAL IAITU

JAWATANKUASA EKSEKUTIF (JKE) MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGARA (MSDN)

JAWATANKUASA KABINET PEMBANGUNAN BELIA (JKPB)

JAWATANKUASA PEMODENAN DAN MYDIGITAL KLUSTER KERAJAAN



Digitalisasi pemacu inovasi dan kecekapan perkhidmatan awam


“ —

Digitalisasi adalah langkah penting untuk memastikan perkhidmatan awam kekal relevan dan efisien, serta mampu memenuhi keperluan rakyat dengan lebih berkesan.

Tan Sri Shamsul Azri
Ketua Setiausaha Negara (KSN)

Sumber :<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2363946>

PROSES PELAKSANAAN DASHBOARD BELIA



1. Proses Pendaftaran Program dalam Sistem Dashboard Belia

Proses pendaftaran berlaku dalam fasa Perancangan sebelum pelaksanaan program atau aktiviti. Ia melibatkan beberapa tindakan utama:

Langkah 1: Pendaftaran dan Rekod Maklumat Program ke dalam Sistem Dashboard Belia

- Tindakan: Focal Point** (Pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan program)
- Pegawai bertanggungjawab perlu mendaftar program atau aktiviti ke dalam sistem Dashboard Belia dengan memasukkan butiran berikut:
 - Nama program
 - Objektif program
 - Tarikh dan lokasi
 - Sasaran peserta
 - Anggaran perbelanjaan
 - Pihak pengurusan atau kolaborator

Langkah 2: Senarai Program Dipaparkan dalam Sistem (Mobile Apps/Web-Based)

- Tindakan: Sistem**
- Setelah program berjaya didaftarkan, sistem akan memaparkan senarai program yang tersedia dalam platform Mobile Apps dan laman web untuk diakses oleh belia. Maklumat program akan tersedia kepada pengguna, membolehkan mereka melihat deskripsi dan syarat penyertaan.

Langkah 3: Pendaftaran Peserta melalui Aplikasi Mobile/Web-Based

- Tindakan: Peserta**
- Belia yang berminat boleh klik untuk mendaftar program yang mereka ingin sertai melalui:
 - Aplikasi Mobile (Google Play, App Store, AppGallery)
 - Portal web-based
- Setelah mendaftar, peserta akan menerima pengesahan penyertaan melalui e-mel atau notifikasi aplikasi.

2. Proses Penilaian Program dalam Sistem Dashboard Belia

Proses penilaian berlaku dalam fasa Penilaian Keberkesaan selepas pelaksanaan program atau aktiviti. Ia terdiri daripada beberapa tindakan utama:

Langkah 1: Peserta Menilai Program melalui Mobile Apps

- Tindakan: Peserta**
- Setelah program selesai, peserta boleh menyediakan maklum balas dan menilai keberkesaan program melalui sistem Mobile Apps.

Langkah 2: e-Sijil Penyertaan Dikeluarkan

- Tindakan: Sistem**
- Sistem secara automatik akan mengeluarkan e-Sijil penyertaan kepada peserta yang telah menghadiri program. e-Sijil ini boleh dimuat turun oleh peserta sebagai bukti penyertaan dalam program berkenaan.

Langkah 3: Kemaskini dan Pengesahan Maklumat

- Tindakan: Focal Point**
- Pegawai bertanggungjawab akan mengemas kini dan mengesahkan butiran program yang telah dilaksanakan, termasuk:
 - Perbelanjaan sebenar yang digunakan
 - Pencapaian program (bilangan peserta yang hadir, kejayaan program, dll.)
 - Outcome program (kesan jangka panjang kepada peserta)


Langkah 4: Penjanaan Laporan Keberkesaan Program

- Tindakan: Focal Point**
- Sistem Dashboard Belia akan menjana laporan keberkesaan program berdasarkan data yang telah dikumpulkan, termasuk:
 - Statistik penyertaan
 - Maklum balas peserta
 - Keberkesaan program dalam mencapai objektif
 - ROI & ROV (Return on Investment & Return on Value)

PENDAFTARAN DAN PENILAIAN PROGRAM MENGGUNAKAN APPS DASHBOARD BELIA

SEBELUM

PELAKSANAAN PROGRAM



SEMASA

PELAKSANAAN PROGRAM




Peserta hanya scan "QR Code" program yang disediakan oleh pihak pengajur bagi check-in status kehadiran.



Mudah | Pantas | Interaktif

SELEPAS

PELAKSANAAN PROGRAM





KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

IYRES

iyres.gov.my

IYRES



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH



MALAYSIAN BROADCAST
COMMISSION



Dashboard
Belia

